

11/10/2001

Piagam Madinah selari dengan masyarakat Malaysia

Karim Sulaiman

NEGARA Islam tidak boleh dilihat dari aspek pelaksanaan hukum jenayah semata-mata, tetapi perlu dilihat daripada keseluruhan penggunaan sistem itu.

Sistem yang diterima oleh rakyat sejak negara mencapai kemerdekaan hingga hari ini, berjaya menghasilkan kemakmuran, keamanan dan pembangunan menyeluruh untuk rakyat Malaysia.

Malaysia adalah negara contoh terbaik yang dapat melaksanakan sistem itu sejak negara mencapai kemerdekaan pada 1957 dan layak diiktiraf sebagai negara Islam.

Penolong Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Datuk Dr Abdul Monir Yaacob, berkata ini adalah satu daripada bentuk menterjemahkan Piagam Madinah dalam masyarakat maju seperti Malaysia.

Katanya, oleh kerana prinsip dan asas yang ada dalam Sahifah Madinah ada yang berbentuk umum dan sejagat, maka semestinyalah sesuai untuk sepanjang masa dan mudah untuk diterjemahkan.

Beliau berkata, dalam hubungan ini, ada beberapa asas dan prinsip diterjemahkan sama ada secara dokumen bentuk undang-undang atau amalan pemerintahan.

"Perbincangan dan kaitan mengenai Sahifah Madinah ini lebih relevan dan penting dalam suasana sekarang apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam," katanya dalam perbincangan kertas kerjanya bertajuk Piagam Madinah: Penterjemahan Pelaksanaan di Malaysia pada Seminar Islam, Politik dan Kerajaan di Johor Bahru, Johor, pada 6 dan 7 Oktober lalu.

Dari sudut perlembagaan untuk menubuhkan sesebuah negara, hendaklah ada kawasan dan berkuasa ke atas kawasan itu atau kedaulatan serta mempunyai penduduk.

Kriteria ini menjadi kenyataan dengan berlakunya ikatan perjanjian yang didokumentasi di antara Baginda saw dengan penduduk Madinah yang dikenali sebagai Sahifah Madinah.

Secara umumnya Sahifah Madinah adalah dokumen undang-undang yang dipakai oleh masyarakat atau penduduk Madinah. Dokumen ini boleh diistilahkan sebagai perlembagaan dalam konteks sekarang. Perlembagaan pula boleh ditakrifkan sebagai segala undang-undang dan prinsip pemerintahan negara.

Dr Abdul Monir berkata, setiap negara mempunyai pengalaman dan sejarah tersendiri dalam mencapai kemerdekaan.

Katanya, pengalaman Rasulullah saw membentuk sebuah negara di Madinah berbeza dengan Malaysia. Bagaimanapun, faktor yang berlaku lebih 1422 tahun lalu di Madinah mungkin masih ada persamaan dan mungkin tiada kaitan lagi.

"Dalam konteks perundangan ada beberapa asas dan prinsip perundangan bersifat sejagat sesuai untuk sepanjang masa dan tempat serta diterima oleh semua golongan seperti keadilan dan kebebasan.

"Begitu juga kriteria pembentukan negara yang memerlukan suatu bentuk pemerintah sah dan berdaulat.

"Secara umum ada persamaan ciri komposisi penduduk Madinah dan Malaysia atau Persekutuan Tanah Melayu sebelum negara ini mencapai kemerdekaan iaitu negara ini mempunyai masyarakat pelbagai kaum dengan fahaman agama, adat resam dan keturunan berlainan," katanya.

Mengimbas sejarah Islam, Dr Abdul Monir berkata, golongan Muhajirin dan Ansar mempunyai sejarah dan latar belakang sendiri.

Katanya, Muhajirin adalah pendatang ke Madinah dan Ansar pula penduduk asal Madinah yang membantu Nabi dan orang Muhajirin bagi membentuk sebuah masyarakat Islam di Madinah.

Nabi mengadakan ikatan sesama mereka kemudian ikatan itu diperluaskan kepada seluruh penduduk Madinah yang kemudiannya menghasilkan Sahifah Madinah.

"Malaysia melalui pengalaman sendiri dalam usaha mencapai kemerdekaan.

"Penduduk asal dan kaum yang datang ke Tanah Melayu membentuk pertubuhan siasah. Pertubuhan ini akhirnya bersatu dalam satu ikatan politik.

"Parti siasah memilih satu bentuk sistem pemerintahan iaitu demokrasi. Dalam sistem ini, semua pihak terbabit dalam pembentukan kerajaan melalui pilihan raya.

"Untuk mencapai kemerdekaan dan akhirnya dalam usaha mengadakan perlembagaan negara, pelbagai pihak mengadakan perundingan yang bukan mudah untuk mencapai persetujuan.

"Bagaimanapun, satu persetujuan dicapai dalam perkara utama yang menyentuh kepentingan masing-masing pihak. Dengan persetujuan itu, maka lahirlah perlembagaan sekarang," katanya.

Dr Abdul Monir berkata, ada beberapa perkara utama yang dipersetujui dan diletakkan dalam perlembagaan yang menyentuh kepentingan kaum.

Katanya, kandungan Perlembagaan Persekutuan Malaysia adalah lebih banyak berbanding Sahifah Madinah yang hanya mengandungi 47 fasal.

Sungguhpun demikian, katanya, perkara utama seperti berkaitan hak asasi manusia ada dalam dokumen ini seperti kebebasan diri (Perkara 5), sama rata (Perkara 8), hak terhidup harta (Perkara 13) dan kebebasan beragama (Perkara 11).

Bahagian 3 Perlembagaan pula membuat peruntukan mengenai kewarganegaraan dengan cara pendaftaran (Perkara 150). Selain itu, kewarganegaraan dengan cara masukan (Perkara 19), kewarganegaraan disebabkan percantuman wilayah (Perkara 22) dan Persekutuan kewarganegaraan (Perkara 24 dan 25).

Di Malaysia sebelum 1948, tiada undang-undang kewarganegaraan. Apa yang ada ketika itu hanya undang-undang mengawal orang asing keluar masuk dari dan ke dalam negeri.

Kerajaan Britain mengadakan dasar pintu terbuka kepada orang asing supaya masuk beramai-ramai dengan mudah.

Pada 1952, semua negeri Melayu meluluskan undang-undang kerakyatan bagi negeri masing-masing. Undang-undang kewarganegaraan yang dibuat oleh sesebuah negara itu, mestilah berasaskan faktor sebenar jika tidak, negeri lain boleh menolak undang-undang.

Dr Abdul Monir berkata, kelahiran Islam tidak menghapuskan seluruh fungsi sosial puak Arab. Islam membenarkan kerjasama untuk kebaikan dan kemurahan hati.

"Dalam hubungan ini Perlembagaan Persekutuan Malaysia memberi perhatian kepada aspek ekonomi penduduk asal iaitu orang Melayu.

"Hak keistimewaan orang Melayu dikenal pasti dan diakui dalam beberapa perjanjian di antara Kerajaan Britain dengan raja Melayu.

"Dalam fasal 191 (d) Perjanjian Persekutuan 1948 dinyatakan iaitu Pesuruhjaya Tinggi bagi Persekutuan Tanah Melayu adalah bertanggungjawab menjaga hak keistimewaan orang Melayu.

"Jawatankuasa Reid berpendapat bahawa jika hak keistimewaan orang Melayu dikekalkan, ini bertentangan dengan konsep demokrasi yang mengharamkan perbezaan dengan sebab agama dan bangsa.

"Tetapi jika hak ini ditarik serta merta, ia adalah kerugian besar kepada orang Melayu," katanya.

Dari itu, katanya, walaupun dari sisi undang-undang hak keistimewaan adalah satu pengecualian kepada hak asasi yang mengharamkan beza-membeza, namun dari segi moral dan hakikat, ini bukanlah satu pengecualian, malah

kesamarataan di antara orang Melayu dengan kaum lain.

Dr Abdul Monir ketika menjelas lanjut mengenai Islam sebagai agama rasmi Malaysia, memetik hujah Abdul Malek (seorang ahli Jawatankuasa Reid) yang menyatakan ia tidak akan menjadi mudarat jika peruntukan perlembagaan mempunyai langkah perlindungan.

Katanya, beberapa negara mempunyai peruntukan seperti itu dan jika ia tidak mudarat, maka tidaklah ada apa-apa halangan Islam diisytiharkan dalam Perlembagaan sebagai agama rasmi.

Dengan ini, maka Perkara 3 ditulis: "Islam adalah agama bagi Persekutuan, tetapi agama lain boleh juga diamalkan dalam aman dan damai di mana-mana bahagian dalam Persekutuan."

Dr Abdul Monir berkata, ini jelas menunjukkan bahawa Islam walaupun agama rasmi Persekutuan, namun agama lain boleh diamalkan dalam aman dan damai di mana-mana bahagian dalam Persekutuan ini.

"Setiap orang berhak mengamal dan menyiarkan agamanya, tetapi penyiaran agama kepada orang Islam boleh dikawal dan disekat oleh undang-undang negeri.

"Setiap kumpulan agama dengan tidak mengecualikan mana-mana agama adalah berhak mentadbir hal ehwal agamanya sendiri, menubuh dan menyelenggarakan yayasan untuk maksud agama dan kebajikan.

"Mereka juga berhak memperoleh dan memegang hartanya sendiri untuk agamanya," katanya.

(END)